- g. Satu Senarai Induk dokumen kualiti dalaman dan luaran yang mengandungi semua dokumen-dokumen kualiti yang digunakan dalam Sistem Pengurusan Kualiti dan status terkini disediakan. Senarai ini dikemaskini dari semasa ke semasa apabila berlaku perubahan ke atas status dokumen-dokumen tersebut.

Pindaan Dokumen

- a. Setiap anggota boleh memberikan cadangan pindaan kepada dokumen kualiti. Cadangan pindaan mesti dikemukakan kepada Wakil Pengurusan dengan menggunakan Borang Cadangan Pindaan;
- b. Sebarang pindaan ke atas Manual Kualiti hendaklah mendapat kelulusan Ketua Hakim Syarie. Manakala pindaan ke atas Prosedur Kualiti Proses Utama dan Prosedur Kualiti Proses Sokongan hendaklah mendapat kelulusan Wakil Pengurusan.
- c. Semua pindaan yang dibuat direkodkan dalam Rekod Pindaan;
- d. Pindaan ke atas Manual Kualiti, Prosedur Kualiti Proses Utama dan Prosedur Kualiti Proses Sokongan dibuat dengan menggantikan muka



MK-JKSNK
Manual Kualiti
MS ISO 9001:2008

Keluaran	01
Pindaan	00
Tarikh Berkuatkuasa	03/01/2010

surat yang terlibat dengan pindaan dan nombor pindaan ditambah dan tarikh kuatkuasa yang baru diberikan. Bagi pindaan yang melebihi 50%,keseluruhan dokumen diganti dan nombor keluaran ditambah dan tarikh kuatkuasa yang baru diberikan;

- e. Dokumen-dokumen yang telah dipinda diedarkan kepada pemegang-pemegang dokumen;
- f. Pemegang dokumen bertanggungjawab memasukkan semua pindaan dan mengeluarkan dokumen yang tidak terpakai serta memusnahkannya; dan
- g. Satu salinan dokumen asal disimpan dan ditandakan "**BATAL**".

Pasukan Dokumentasi

Seorang Ketua Pasukan Dokumentasi dilantik oleh Wakil Pengurusan yang bertanggungjawab terhadap pengurusan dokumen kualiti. Ketua Pasukan Dokumentasi bertanggungjawab melantik ahli-ahli Pasukan Dokumentasi.

Dokumen Berkaitan

PKS- JKSNK –01 - Prosedur Kawalan Dokumen

4.2.4 Kawalan Rekod

- a. Rekod-rekod kualiti dan tempoh penyimpanannya dikenalpasti dalam setiap prosedur kualiti;
- b. Rekod-rekod kualiti diuruskan mengikut Kawalan Rekod Kualiti – PKS-JKSNK -02
- c. Pelupusan rekod-rekod kualiti dibuat mengikut Surat Pekeliling Am Bil. 1/1997 dan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5/2007 (Panduan Pengurusan Pejabat)



MK-JKSNK
Manual Kualiti
MS ISO 9001:2008

Keluaran	01
Pindaan	00
Tarikh Berkuatkuasa	03/01/2010

Dokumen Berkaitan

PKS- JKSNK –02 - Prosedur Kawalan Rekod Kualiti

SEKSYEN 5 - TANGGUNGJAWAB PENGURUSAN

5.1 Komitmen Pengurusan

Ketua Hakim Syarie memberi komitmen dalam membangun, melaksana dan menambahbaik secara berterusan keberkesanan Sistem Pengurusan Kualiti melalui:

- a. Menyampaikan kepada semua kakitangan mengenai pentingnya bagi organisasi memenuhi kehendak pelanggan serta mematuhi keperluan peraturan dan perundangan;
- b. Mewujudkan dasar kualiti;
- c. Memastikan objektif-objektif kualiti diwujudkan;
- d. Menjalankan Kajian Semula Pengurusan; dan
- e. Memastikan sumber yang perlu disediakan.

5.2 Tumpuan Kepada Pelanggan

Ketua Hakim Syarie bertanggungjawab memastikan kehendak pelanggan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah Darul Aman dikenalpasti dan dipenuhi dengan tujuan meningkatkan kepuasan pelanggan. Piagam pelanggan disediakan bagi menentukan tahap perkhidmatan yang diberikan.

Prestasi Sistem Pengurusan Kualiti Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah Darul Amandiukur melalui penilaian atas kepuasan pelanggan. Saluran untuk menerima cadangan dan aduan pelanggan bagi menilai tahap kepuasan pelanggan disediakan melalui borang maklumbalas pelanggan dan e-mail.



MK-JKSNK
Manual Kualiti
MS ISO 9001:2008

Keluaran	01
Pindaan	00
Tarikh Berkuatkuasa	03/01/2010

Di samping itu usaha-usaha secara proaktif dijalankan bagi menilai tahap kepuasan pelanggan.

Dokumen berkaitan

PKS-JKSNK– 03- Prosedur Pengendalian Aduan dan Maklumbalas Pelanggan

5.3 Dasar Kualiti

Ketua Hakim Syarie menentukan Dasar Kualiti seperti di subklausu 3.2. Dasar Kualiti ini menjadi asas untuk mewujudkan dan menyemak semula Objektif Kualiti seperti di subklausu 3.2. Ia juga disebarkan kepada semua anggota organisasi. Dasar Kualiti ini dikaji sekurang-kurangnya sekali setahun untuk memastikan ianya sentiasa sesuai.

5.4 Perancangan Sistem Pengurusan Kualiti.

5.4.1. Objektif Kualiti

Ketua Hakim Syarie menetapkan Objektif Kualiti seperti di subklausu 3.2. yang merangkumi peringkat-peringkat organisasi, bahagian dan proses.

5.4.2. Perancangan Sistem Pengurusan Kualiti

Ketua Hakim Syarie memastikan:

- a. Sistem Pengurusan Kualiti dilaksanakan seperti mana yang didokumenkan dan Objektif Kualiti yang ditetapkan dapat dicapai. Dalam membuat



MK-JKSNK
Manual Kualiti
MS ISO 9001:2008

Keluaran	01
Pindaan	00
Tarikh Berkuatkuasa	03/01/2010

perancangan Sistem Pengurusan Kualiti, Ketua Hakim Syarie mengambil kira perkara-perkara berikut:

- i. Kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan;
 - ii. Tanggungjawab dan kuasa bagi melaksanakan perancangan dan penambahbaikan proses;
 - iii. Sumber yang diperlukan seperti kewangan dan infrastruktur;
 - iv. Petunjuk bagi menilai pencapaian usaha penambahbaikan serta keperluan dan kaedah bagi mengusahakan penambahbaikan; dan
 - v. Dokumen yang perlu bagi melaksanakan Sistem Pengurusan Kualiti serta rekod-rekod hasil daripadanya.
- b. Keutuhan Sistem Pengurusan Kualiti tidak akan berubah walaupun berlaku perubahan dalam pengurusan jabatan.

5.5 Tanggungjawab, Kuasa dan Komunikasi

5.5.1 Tanggungjawab dan Kuasa

- a) Ketua Hakim Syarie bertanggungjawab menentukan tugas, tanggungjawab dan kuasa semua anggota yang terlibat dalam mengurus dan melaksana aktiviti-aktiviti yang mempunyai kesan ke atas Sistem Pengurusan Kualiti; dan



MK-JKSNK
Manual Kualiti
MS ISO 9001:2008

Keluaran	01
Pindaan	00
Tarikh Berkuatkuasa	03/01/2010

- b) Tugas, tanggungjawab dan kuasa ini disebarikan kepada yang terlibat dalam Sistem Pengurusan Kualiti melalui dokumen MS ISO 9001:2008 dan Fail Meja.

5.5.2 Wakil Pengurusan

Ketua Hakim Syarie melantik seorang kakitangan pengurusan organisasinya sendiri sebagai Wakil Pengurusan. Wakil Pengurusan mempunyai peranan dan tanggungjawab seperti berikut:

- a. Mewujud, melaksana dan menyelenggarakan pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti;
- b. Melaporkan kepada pihak pengurusan atasan mengenai keberkesanan Sistem Pengurusan Kualiti dan sebarang keperluan penambahbaikan;
- c. Memastikan aktiviti berkaitan dengan kesedaran terhadap kehendak pelanggan sentiasa dilaksanakan di kalangan anggota organisasi yang terlibat dalam pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti;
- d. Berurusan dengan pihak luar mengenai perkara-perkara berkaitan dengan Sistem Pengurusan Kualiti.

Ketua Hakim Syarie juga melantik Penolong-Penolong Pendaftar di Mahkamah Tinggidan Mahkamah Rendah Daerah serta Penolong Pegawai Tadbir sebagai Timbalan Wakil Pengurusan bagi membantu Wakil Pengurusan melaksanakan tugas-tugas dan tanggungjawab seperti yang dinyatakan di atas.



MK-JKSNK
Manual Kualiti
MS ISO 9001:2008

Keluaran	01
Pindaan	00
Tarikh Berkuatkuasa	03/01/2010

5.5.3 Komunikasi Dalam Organisasi

Ketua Hakim Syarie memastikan proses komunikasi melalui mesyuarat Hakim 3 kali setahun, mesyuarat pengurusan pentadbiran dan kewangan 3 kali setahun, perbincangan, muzakarah, MySMS dan e-mail, diwujudkan dalam Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah Darul Aman bagi memaklumkan kepada kakitangan tentang pelaksanaan keberkesanan sistem pengurusan kualiti dan untuk mendapat maklumbalas daripada kakitangan.

5.6 Kajian Semula Pengurusan

5.6.1 Am

Ketua Hakim Syarie bertanggungjawab:

- a. Mengadakan Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan sekurang-kurangnya sekali (1) dalam masa 12 bulan bagi menilai keberkesanan dan kesesuaian Sistem Pengurusan Kualiti;
- b. Keanggotaan Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan ini adalah seperti berikut:

Pengerusi : Ketua Hakim Syarie
Setiausaha : Wakil Pengurusan
Ahli-ahli : Pemegang Dokumen Terkawal



MK-JKSNK
Manual Kualiti
MS ISO 9001:2008

Keluaran	01
Pindaan	00
Tarikh Berkuatkuasa	03/01/2010

- c. Keputusan yang dibuat dalam mesyuarat diambil tindakan oleh Wakil Pengurusan.

Dokumen berkaitan

PKS-JKSNK 04 -Prosedur Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan

5.6.2 Input Kepada Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan.

Agenda mesyuarat kajian semula pengurusan merangkumi:-

- i. Laporan wakil pengurusan:
 - a. Pencapaian Objektif Kualiti;
 - b. Aduan dan Maklumbalas Pelanggan;
 - c. Penilaian Prestasi Pembekal
 - d. Keperluan dan Keberkesanan Latihan
 - e. Laporan status tindakan pembetulan dan pencegahan
 - f. Tindakan susulan atas Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan yang lepas
 - g. Perubahan-perubahan yang boleh memberi kesan kepada sistem pengurusan kualiti dan cadangan penambahbaikan.
- ii. Laporan Pasukan Audit Dalam
 - a. Laporan Audit SIRIM
 - b. Laporan Audit Dalam
 - c. Cadangan penambahbaikan
- iii. Laporan Pasukan Dokumentasi
 - a. Laporan Pindaan yang telah dibuat



MK-JKSNK
Manual Kualiti
MS ISO 9001:2008

Keluaran	01
Pindaan	00
Tarikh Berkuatkuasa	03/01/2010

- b. Cadangan Pindaan Yang Baru.

Dokumen berkaitan

PKS-JKSNK -04 - Prosedur Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan

5.6.3 Output Kepada Kajian Semula Pengurusan

Wakil Pengurusan bertanggungjawab mengambil tindakan ke atas keputusan Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan berkaitan dengan:

- a. Peningkatan keberkesanan Sistem Pengurusan Kualiti dan proses-prosesnya;
- b. Peningkatan kualiti perkhidmatan kepada pelanggan; dan
- c. Sumber-sumber yang diperlukan.

Keputusan-keputusan hasil daripada Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan hendaklah disampaikan dan dimaklumkan kepada anggota organisasi.

Minit Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan disimpan.

Dokumen Berkaitan

PKS-JKSNK-04 - Prosedur Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan



MK-JKSNK
Manual Kualiti
MS ISO 9001:2008

Keluaran	01
Pindaan	00
Tarikh Berkuatkuasa	03/01/2010

SEKSYEN 6 - PENGURUSAN SUMBER

6.1 Bekalan Sumber

Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah Darul Aman merancang, mengenalpasti dan mendapatkan sumber-sumber yang mencukupi untuk melaksanakan Sistem Pengurusan Kualiti termasuk:

- a. Bilangan anggota yang mencukupi;
- b. Anggota yang terlatih yang dipertanggungjawabkan mengikut fail meja;
- c. Peruntukan kewangan yang mencukupi;
- d. Peralatan dan infrastruktur pejabat yang sesuai; dan
- e. Persekitaran kerja yang kondusif.

Dokumen Berkaitan

- PKS-JKSNK-05- Prosedur Penyediaan Bajet Tahunan
PKS-JKSNK-06 - Prosedur Pengurusan Latihan Kakitangan

6.2 Sumber Manusia

6.2.1 Am

Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah Darul Aman memastikan kakitangan adalah anggota kompeten melalui proses pendidikan, latihan, kemahiran dan pengalaman dalam memastikan Pengurusan Kes Mal dan Jenayah berada di tahap yang berkualiti.

Dokumen Berkaitan

- PKS-JKSNK – 06 - Prosedur Pengurusan Latihan Kakitangan



MK-JKSNK
Manual Kualiti
MS ISO 9001:2008

Keluaran	01
Pindaan	00
Tarikh Berkuatkuasa	03/01/2010

6.2.2 Kepakaran (Kompetensi), Kesedaran dan Latihan

Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah Darul Aman:-

- a. Mengenalpasti tahap kompetensi bagi setiap anggota;
- b. Merancang dan mengadakan latihan, kursus serta mengambil tindakan yang bersesuaian untuk mencapai tahap kompetensi yang dikenalpasti;
- c. Menilai keberkesanan latihan, kursus serta tindakan yang telah diambil;
- d. Meningkatkan kesedaran anggota kerja mengenai kepentingan Kualiti melalui:
 - i. Penglibatan anggota dalam proses menentukan objektif kualiti Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah Darul Aman dan dalam proses membuat keputusan;
 - ii. Memastikan setiap anggota sedar akan kepentingan tugas-tugasnya dan bagaimana mereka boleh menyumbang kepada pencapaian objektif-objektif kualiti;
 - iii. Memberi pengiktirafan kepada anggota;
 - iv. Mengkaji semula keperluan-keperluan anggota secara berterusan;
 - v. Mewujudkan suasana kerja yang menggalakkan anggota menghasilkan inovasi;
 - vi. Menggalakkan budaya kerja secara berpasukan; dan
 - vii. Mewujudkan saluran untuk menerima cadangan dan pendapat daripada anggota.
- e. Menyelenggara rekod-rekod yang bersesuaian dengan pendidikan, latihan, kemahiran dan pengalaman anggota.

Dokumen Berkaitan

- PKS-JKSNK-05 - Prosedur Penyediaan Bajet Tahunan
PKS-JKSNK-06 - Prosedur Pengurusan Latihan Kakitangan



MK-JKSNK
Manual Kualiti
MS ISO 9001:2008

Keluaran	01
Pindaan	00
Tarikh Berkuatkuasa	03/01/2010

6.3 Infrastruktur

Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah Darul Aman menyedia dan menyelenggara infrastruktur yang diperlukan bagi menepati keperluan Pengurusan Kes Mal dan Jenayah. Infrastruktur merangkumi:

- a. Bangunan, persekitaran pejabat dan kemudahan yang berkaitan seperti perabot, hawa dingin;
- b. Peralatan yang berkaitan dengan Pengurusan Kes Mal dan Jenayah; dan
- c. Perkhidmatan sokongan seperti pengangkutan dan alat komunikasi.

Dokumen Berkaitan

PKS-JKSNK – 07 – Prosedur Penyelenggaraan Peralatan

6.4 Persekitaran Kerja

Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah Darul Aman mewujudkan, mengurus dan memastikan persekitaran kerja dari aspek kepuasan anggota, motivasi dan pengiktirafan serta suasana kerja yang kondusif yang akan menyokong kepada penghasilan output atau perkhidmatan yang berkualiti.



MK-JKSNK
Manual Kualiti
MS ISO 9001:2008

Keluaran	01
Pindaan	00
Tarikh Berkuatkuasa	03/01/2010

SEKSYEN 7 - PENGHASILAN PERKHIDMATAN

7.1 Perancangan Bagi Penyampaian Perkhidmatan

Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah Darul Aman merancang dan menyediakan proses-proses yang diperlukan bagi pengurusan dan pelaksanaan Pengurusan Kes Mal dan Jenayah. Perancangan ini merangkumi:

- a. Penetapan objektif kualiti dan keperluan-keperluan perkhidmatan;
- b. Pembangunan proses mengikut dokumen dan peruntukan sumber yang mencukupi;
- c. Penyediaan perancangan bagi menjalankan verifikasi, semakan semula dan validasi, pemantauan serta penilaian bagi keseluruhan Pengurusan Kes Mal dan Jenayah dan kriteria bagi memastikan keperluan perkhidmatan dipenuhi; dan
- d. Penyelenggaraan rekod-rekod yang diperlukan sebagai bukti pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti dan kepatuhan kepada standard MS ISO 9001: 2008.

Dokumen Berkaitan

- | | | |
|---------------------------|---|---------------------------|
| Prosedur Kualiti | - | PK – JKSNK – 01 hingga 09 |
| Prosedur Kualiti Sokongan | - | PKS-JKSNK – 01 hingga 13 |



MK-JKSNK
Manual Kualiti
MS ISO 9001:2008

Keluaran	01
Pindaan	00
Tarikh Berkuatkuasa	03/01/2010

7.2 Proses-proses Yang Berkaitan Dengan Pelanggan

7.2.1 Menentukan Keperluan Perkhidmatan Yang Hendak Disampaikan

Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah Darul Aman mengenal pasti:

- a. Kehendak pelanggan terhadap perkhidmatan Pengurusan Kes Mal dan Jenayah melalui pendaftaran kes-kes;
- b. Kehendak pelanggan yang tidak dinyatakan oleh pelanggan tetapi perlu disediakan seperti perkhidmatan kaunter, ruang menunggu dan lain-lain kemudahan perlu disediakan;
- c. Keperluan undang-undang dan peraturan ;

Enakmen-Enakmen:-

- i. Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Kedah Darul Aman) 2008
- ii. Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Kedah Darul Aman) 2008
- iii. Enakmen Aturcara Mal Islam (Kedah) 1979
- iv. Enakmen Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2008
- v. Enakmen Acara Jenayah Syariah (Kedah) 1988
- vi. Enakmen Kanun Jenayah Syariah (Kedah) 1988
- vii. Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Kedah) 1989
- viii. Enakmen Mufti Dan Fatwa (Kedah Darul Aman) 2008

Arahan Amalan Mahkamah Syariah

Pekeliling Pejabat Ketua Hakim Syarie

Pekeliling Kemajuan Perkhidmatan Awam

- d. Keperluan tambahan yang ditentukan seperti borang aduan pelanggan dan borang kaji selidik.



MK-JKSNK
Manual Kualiti
MS ISO 9001:2008

Keluaran	01
Pindaan	00
Tarikh Berkuatkuasa	03/01/2010

Dokumen Berkaitan

- PK-JKSNK – 01 - Prosedur Pengurusan Pendaftaran Dan Penjadualan Kes Mal
- PK-JKSNK – 02 - Prosedur Pengurusan Pendaftaran Dan Penjadualan Kes Jenayah
- PK-JKSNK – 07 - Prosedur Pengurusan Permohonan Rayuan Kes Mal.
- PK-JKSNK– 08 - Prosedur Pengurusan Permohonan Rayuan Kes Jenayah.

7.2.2 Semakan Semula Ke Atas Keperluan-keperluan Perkhidmatan Yang Hendak Disampaikan

Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah Darul Aman menyemak semula keperluan-keperluan perkhidmatan yang hendak disampaikan. Penyemakan ini dibuat sebelum membuat komitmen untuk menyampaikan perkhidmatan tersebut kepada pelanggan. Semakan semula ini bagi memastikan:

- a. Semua keperluan perkhidmatan dikenalpasti;
- b. Jika terdapat perbezaan antara kehendak pelanggan dengan perkhidmatan yang hendak disampaikan ianya diatasi terlebih dahulu sebelum perkhidmatan diberikan; dan.
- c. Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah Darul Aman berkeupayaan untuk memenuhi keperluan perkhidmatan yang dikehendaki.
- d. Semua rekod hasil daripada semakan semula dan tindakan-tindakan yang berkaitan dengannya diselenggara.



MK-JKSNK
Manual Kualiti
MS ISO 9001:2008

Keluaran	01
Pindaan	00
Tarikh Berkuatkuasa	03/01/2010

Dokumen Berkaitan

- PK-JKSNK – 01 - Prosedur Pengurusan Pendaftaran Dan Penjadualan Kes Mal
- PK-JKSNK – 02 - Prosedur Pengurusan Pendaftaran Dan Penjadualan Kes Jenayah
- PK-JKSNK – 07 - Prosedur Pengurusan Permohonan Rayuan Kes Mal.
- PK-JKSNK – 08 - Prosedur Pengurusan Permohonan Rayuan Kes Jenayah.
- PK-JKSNK – 09 - Permohonan Dan Pengeluaran Perintah Faraid.

7.2.3 Komunikasi dengan Pelanggan

Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah Darul Amanakan:-

- a. Menyalurkan maklumat berkaitan dengan Pengurusan Kes Mal dan Jenayah kepada pelanggan;
- b. Mengendalikan pertanyaan berkaitan dengan Pengurusan Kes Mal dan Jenayah kepada pelanggan; dan
- c. Menerima dan merekodkan aduan dan maklumbalas yang diterima daripada pelanggan;
- d. Kaedah komunikasi dengan pelanggan dilakukan melalui penyebaran pamflet, risalah, buletin, seminar, penulisan buku, laman web dan lain-lain.

Dokumen Berkaitan

- PKS-JKSNK – 03 - Prosedur Pengendalian Aduan dan Maklumbalas Pelanggan



MK-JKSNK
Manual Kualiti
MS ISO 9001:2008

Keluaran	01
Pindaan	00
Tarikh Berkuatkuasa	03/01/2010

7.3. Rekabentuk dan Pembangunan

Pengurusan Kes Mal dan Jenayah tidak melibatkan aktiviti rekabentuk dan pembangunan kerana perkhidmatan berdasarkan undang-undang yang telah digubal.

7.4. Perolehan

7.4.1 Proses Perolehan

- a) Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah Darul Aman memastikan setiap perolehan bekalan yang meliputi barangan/perkhidmatan yang memenuhi dan menepati spesifikasi perolehan yang ditetapkan oleh Jabatan dan mematuhi kehendak dan peraturan yang telah ditetapkan dalam:-
 - i. Pekeliling-pekeliling Perbendaharaan;
 - ii. Arahan Perbendaharaan
 - iii. Tatacara Kewangan
 - iv. Tatacara Pengurusan Stor
 - v. Panduan Perolehan Kerajaan
 - vi. Pekeliling Kontrak Perbendaharaan
- b) Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah Darul Aman akan menyenggara satu senarai pembekal yang diluluskan; dan
- c) Memantau dan membuat penilaian ke atas prestasi pembekal dari masa ke semasa dan rekodnya akan disimpan.

Dokumen Berkaitan

PKS- JKSNK –08 -Prosedur Perolehan Bekalan dan Perkhidmatan



MK-JKSNK
Manual Kualiti
MS ISO 9001:2008

Keluaran	01
Pindaan	00
Tarikh Berkuatkuasa	03/01/2010

7.4.2 Maklumat Perolehan

- a) Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah Darul Aman menyediakan maklumat spesifikasi secara terperinci bagi bekalan dalam dokumen perolehan termasuk pesanan perolehan dan sebutharga untuk dibekalkan kepada pembekal;
- b) Bagi perolehan yang melibatkan perkhidmatan kepakaran luar Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah Darul Aman akan mengenalpasti kelayakan personel yang dibekalkan; dan
- c) Rekod perolehan akan disimpan dandisenggara.

Dokumen Berkaitan

PKS- JKSNK -08 - Prosedur Perolehan Bekalan dan Perkhidmatan

7.4.3 Verifikasi Ke atas Bahan Yang Diperolehi

Bekalan dan perkhidmatan yang diterima daripada pembekal diperiksa bagi memastikan ia memenuhi spesifikasi dan keperluan yang dinyatakan dalam dokumen perolehan. Pengesahan ke atas proses verifikasi dilakukan oleh Ketua Pembantu Tadbir di Ibu Pejabat dan Pembantu Tadbir (P/O) / Pembantu Tadbir (Kew) di Mahkamah Rendah Syariah Daerah.

Dokumen Berkaitan

PKS- JKSNK -08 - Prosedur Perolehan Bekalan dan Perkhidmatan



MK-JKSNK
Manual Kualiti
MS ISO 9001:2008

Keluaran	01
Pindaan	00
Tarikh Berkuatkuasa	03/01/2010

7.5. Penyediaan dan Pemberian Perkhidmatan

7.5.1 Kawalan Ke atas Penyediaan dan Pemberian Perkhidmatan

Pengurusan Kes Mal dan Jenayah dipastikan sentiasa terkawal melalui: Pematuhan kepada undang-undang, peraturan, dasar, syarat dan kriteria yang ditetapkan;

- a. Pematuhan kepada dokumen-dokumen kualiti yang telah diluluskan serta dokumen sokongan yang berkaitan;
- b. Penggunaan peralatan yang sesuai bagi pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti dan memastikan ianya mencukupi dan disenggara mengikut jadual yang ditetapkan;
- c. Pewujudan sistem bagi memantau dan menilai prestasi perkhidmatan;
- d. Pelaksanaan sistem pemantauan dan penilaian; dan
- e. Pelaksanaan sistem penyampaian perkhidmatan yang diluluskan dan aktiviti selepas perkhidmatan disampaikan.

Dokumen Berkaitan

PK- JKSNK – Prosedur Kualiti 01 hingga 08
PKS- JKSNK – Prosedur Kualiti Sokongan 01 hingga 13

7.5.2 Validasi Ke Atas Proses Penyediaan dan Penyampaian Perkhidmatan

Pengurusan Kes Mal dan Jenayah tidak melibatkan Validasi Ke Atas Proses Penyediaan dan Pemberian Perkhidmatan memandangkan tidak ada perkhidmatan yang diperiksa sebelum output dikeluarkan.



MK-JKSNK
Manual Kualiti
MS ISO 9001:2008

Keluaran	01
Pindaan	00
Tarikh Berkuatkuasa	03/01/2010

7.5.3 Identifikasi dan Kemudahkesanan

Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah Darul Aman menyenggarakan satu prosedur untuk memastikan proses pengurusan kes mal dan jenayah boleh dikesan apabila diperlukan pada setiap peringkat.

Kaedah-kaedah pengenalan dan kemudahkesanan kes-kes mal dan jenayah dibuat melalui penggunaan kod negeri, kod mahkamah (*kod daerah*), kod jenis kes, nombor kes dan tahun pendaftaran.

Pendaftaran kes mal dan jenayah didaftarkan mengikut urutan nombor pada satu-satu tahun. Pendaftaran pertama didaftar dengan nombor pertama dan diikuti dengan nombor berikutnya sehingga tamat tahun tersebut dan nombor baru akan diberi pada tahun baru bermula dengan nombor pertama dan seterusnya.

Dokumen Berkaitan

- PK-JKSNK-01 - Prosedur Pengurusan Pendaftaran Dan Penjadualan Kes Mal.
- PK-JKSNK-02 - Prosedur Pengurusan Pendaftaran Dan Penjadualan Kes Jenayah.
- PK-JKSNK-07 - Prosedur Pengurusan Permohonan Rayuan Kes Mal.
- PK-JKSNK-08 - Prosedur Pengurusan Permohonan Rayuan Kes Jenayah



MK-JKSNK
Manual Kualiti
MS ISO 9001:2008

Keluaran	01
Pindaan	00
Tarikh Berkuatkuasa	03/01/2010

7.5.4 Harta Hakmilik Pelanggan

- a. Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah Darul Amanakan menerima harta hakmilik pelanggan iaitu wang jamin yang akan digunakan dan diproses sebagai jaminan dalam pengurusan kes jenayah.
- b. Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah Darul Amanakan memastikan wang jamin diproses, disenggara dan diserahkan semula kepada penjamin selepas kes selesai. Semua maklumat mengenai kes-kes disimpan dan direkodkan.
- c. Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah Darul Amanakan memaklumkan kepada setiap pelanggan supaya menuntut wang jamin sebelum dijadikan hasil negeri.

Dokumen Berkaitan

- | | |
|---------------|--|
| PK- JKSNK -02 | - Prosedur Pengurusan Pendaftaran Dan Penjadualan Kes Jenayah. |
| PK- JKSNK -04 | - Prosedur Pengurusan Sebutan dan perbicaraan kes Jenayah |
| PK- JKSNK -08 | - Prosedur Pengurusan Permohonan Rayuan Kes Jenayah. |
| PKS-JKSNK -09 | - Prosedur Pengurusan Penerimaan Wang hasil dan Wang Deposit |
| PKS-JKSNK -10 | - Prosedur Penyenggaraan Dan Pengembalian Wang Deposit |

7.5.5 Pemuliharaan

Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah Darul Aman memastikan proses penyediaan dan penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan mematuhi keperluan identifikasi, pengendalian, penyimpanan dan kawalan yang ditetapkan. Saman dan barang kes akan dikendalikan dengan spesifik menurut peruntukan undang-undang yang ditetapkan.



MK-JKSNK
Manual Kualiti
MS ISO 9001:2008

Keluaran	01
Pindaan	00
Tarikh Berkuatkuasa	03/01/2010

Dokumen Berkaitan

- PK- JKSNK - 03 - Prosedur Pengurusan Sebutan Kes Mal
- PK- JKSNK- 04 - Prosedur Pengurusan Sebutan dan Perbicaraan Kes Jenayah
- PK- JKSNK - 06 - Prosedur Pengurusan Penyerahan Dokumen-Dokumen Kes.

7.6 Kawalan Peralatan, Pengukuran Dan Pemantauan

Pengurusan Kes Mal dan Jenayah tidak melibatkan Kawalan Peralatan, Pengukuran dan Pemantauan kerana tiada peralatan pengukuran yang digunakan di jabatan. Perkhidmatan yang diberi tidak memerlukan pengukuran yang menggunakan alat.



MK-JKSNK
Manual Kualiti
MS ISO 9001:2008

Keluaran	01
Pindaan	00
Tarikh Berkuatkuasa	03/01/2010

**SEKSYEN 8 - PENGUKURAN, PENGANALISISAN DAN
PENAMBAHBAIKAN**

8.1 Am

Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah Darul Aman merancang dan melaksanakan proses pemantauan, pengukuran, penganalisaan serta penambahbaikan yang diperlukan bagi:

- a. Membuktikan pelaksanaan Pengurusan Kes Mal dan Jenayah menepati keperluan yang ditetapkan.
- b. Memastikan kepatuhan kepada Sistem Pengurusan Kualiti; dan
- c. Membuat penambahbaikan yang menyeluruh secara berkesan ke atas Sistem Pengurusan Kualiti.

Kaedah-kaedah yang bersesuaian seperti penggunaan teknik-teknik statistik ditentukan dan digunapakai bagi tujuan pemantauan, pengukuran dan penganalisaan ke atas keberkesanan Sistem Pengurusan Kualiti.

Dokumen Berkaitan

PKS- JKSNK -04	-	Prosedur Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan
PKS- JKSNK -03	-	Prosedur Pengendalian Aduan dan Maklumbalas Pelanggan
PKS- JKSNK -12	-	Prosedur Tindakan Pembetulan
PKS- JKSNK - 13	-	Prosedur Tindakan Pencegahan



MK-JKSNK
Manual Kualiti
MS ISO 9001:2008

Keluaran	01
Pindaan	00
Tarikh Berkuatkuasa	03/01/2010

8.2 Pemantauan dan Pengukuran

8.2.1 Kepuasan Pelanggan

Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah Darul Aman sentiasa memantau maklumat berhubung dengan persepsi pelanggan dan keperluan-keperluan mereka dalam pelaksanaan Pengurusan Kes Mal atau Jenayah. Maklumat yang tersebut di atas diperolehi melalui:

- a. Media elektronik :-
 - i. Telefon
 - ii. Fax
 - iii. Email
 - iv. Portal e-syariah

- b. Media Cetak :-
 - i. Akhbar Nasional
 - ii. Akhbar Negeri

- c. Aduan bertulis:-
 - i. Borang Aduan Pelanggan
 - ii. Borang Kepuasan Pelanggan
 - iii. Surat persendirian

Dokumen Berkaitan

PKS-JKSNK – 03 - Prosedur Pengendalian Aduan dan
Maklumbalas Pelanggan



MK-JKSNK
Manual Kualiti
MS ISO 9001:2008

Keluaran	01
Pindaan	00
Tarikh Berkuatkuasa	03/01/2010

8.2.2 Audit Dalaman

- a. Perancangan audit dalaman akan mengambil kira status dan kepentingan sesuatu perkhidmatan. Contohnya status penemuan ketakakuran oleh audit terdahulu atau peningkatan aduan pelanggan atau hasil maklumbalas pelanggan;
- b. Audit Dalaman dijalankan sekurang-kurangnya **sekali** setahun bagi mengesahkan kerja-kerja dilaksanakan mengikut prosedur dan bagi memastikan keberkesanan Sistem Pengurusan Kualiti;
- c. Ketua Audit Dalaman bertanggungjawab untuk merancang dan menjadualkan audit;
- d. Audit Dalaman dijalankan oleh anggota yang terlatih dan bebas daripada aktiviti yang diaudit;
- e. Pihak yang diaudit bertanggungjawab membuat siasatan, mengambil pembedulan dan membuat tindakan pembedulan ke atas ketidakpatuhan yang ditemui oleh pasukan audit dengan kadar segera secara tanpa lengah;
- f. Tindakan susulan dijalankan bagi memastikan tindakan pembedulan dan pencegahan ke atas ketakakuran yang ditemui telah dilaksanakan dengan berkesan; dan
- g. Laporan audit disediakan selepas audit dijalankan dan dibentangkan dalam Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan.

Dokumen Berkaitan

PKS- JKSNK - 11 - Prosedur Audit Dalaman



MK-JKSNK
Manual Kualiti
MS ISO 9001:2008

Keluaran	01
Pindaan	00
Tarikh Berkuatkuasa	03/01/2010

8.2.3 Pemantauan dan Pengukuran Proses

Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah Darul Amanakan menentukan peringkat-peringkat yang sesuai iaitu di peringkat penerimaan, pemerosesan dan peringkat akhir untuk mengukur keupayaan proses penyampaian perkhidmatan. Pengukuran adalah bertujuan untuk menunjukkan keupayaan proses-proses tersebut mencapai hasil yang dirancang. Kaedah yang sesuai untuk menjalankan pemeriksaan atau penyemakan kualiti perkhidmatan dilakukan dalam tiga peringkat iaitu peringkat penerimaan, peringkat pemerosesan dan peringkat akhir. Sekiranya hasil yang dirancang tidak dicapai, tindakan pembetulan yang bersesuaian hendaklah diambil.

Dokumen Berkaitan

- PK-JKSNK – 01 - Prosedur Pengurusan Pendaftaran Dan Penjadualan Kes Mal
- PK-JKSNK – 02 - Prosedur Pengurusan Pendaftaran Dan Penjadualan Kes Jenayah
- PK-JKSNK – 05 - Prosedur Pengurusan Penyediaan Perintah Bertulis Mahkamah Bagi Kes Mal
- PK-JKSNK – 07 - Prosedur Pengurusan Permohonan Rayuan Kes Mal.
- PK-JKSNK – 08 - Prosedur Pengurusan Permohonan Rayuan Kes jenayah.



MK-JKSNK
Manual Kualiti
MS ISO 9001:2008

Keluaran	01
Pindaan	00
Tarikh Berkuatkuasa	03/01/2010

8.2.4 Pemantauan dan Pengukuran Perkhidmatan.

Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah Darul Aman memantau dan mengukur ciri-ciri perkhidmatan bagi memastikan perkhidmatan yang diberi memenuhi keperluan yang ditetapkan. Pemantauan dan pengukuran ini dibuat di beberapa peringkat yang sesuai dalam proses penyampaian perkhidmatan tersebut selaras dengan perancangan yang telah dibuat.

Dokumen Berkaitan

- PK-JKSNK – 01 - Prosedur Pengurusan Pendaftaran Dan Penjadualan Kes Mal
- PK-JKSNK – 02 - Prosedur Pengurusan Pendaftaran Dan Penjadualan Kes Jenayah.
- PK-JKSNK – 05 - Prosedur Pengurusan Penyediaan Perintah Bertulis Mahkamah Bagi Kes Mal
- PK-JKSNK – 07 - Prosedur Pengurusan Permohonan Rayuan Kes Mal.
- PK-JKSNK – 08 - Prosedur Pengurusan Permohonan Rayuan Kes Jenayah.



MK-JKSNK
Manual Kualiti
MS ISO 9001:2008

Keluaran	01
Pindaan	00
Tarikh Berkuatkuasa	03/01/2010

8.3 Kawalan Perkhidmatan Yang Tidak Memenuhi Keperluan Yang Ditetapkan

Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah Darul Aman mengenalpasti tindakan pencegahan perkhidmatan yang tidak memenuhi keperluan yang ditetapkan melalui aktiviti pemeriksaan berikut:-

8.3.1 Pemeriksaan dan pengujian diperingkat penerimaan

Semua permohonan/tuntutan yang diterima di dalam proses pengurusan kes mal dan jenayah diperiksa bagi memastikan ianya lengkap seperti yang diperlukan sebelum permohonan/tuntutan tersebut diproses dan difailkan. Permohonan/Tuntutan yang tidak lengkap akan dipulangkan kepada pelanggan.

8.3.2 Pemeriksaan dan pengujian diperingkat pemerosesan

Pemeriksaan dan pengujian diperingkat ini dilakukan secara berterusan dan mengikut prosedur yang ditetapkan supaya selaras dengan peruntukan undang-undang. Tujuan semakan dilakukan supaya kes-kes yang dikemukakan semasa perbicaraan mematuhi kehendak undang-undang dan termasuk di dalam bidangkuasa mahkamah tersebut. Bagi prosedur yang tidak memenuhi peruntukan undang-undang akan ditolak.

8.3.3 Pemeriksaan dan pengujian diperingkat akhir

Pemeriksaan dan pengujian diperingkat ini dibuat untuk menentukan samada sesuatu proses itu diterima atau sebagainya. Pemeriksaannya adalah seperti berikut:-

Perintah atau Keputusan Bertulis Mahkamah yang dikeluarkan kepada pelanggan disemak supaya menepati format yang ditetapkan oleh



MK-JKSNK
Manual Kualiti
MS ISO 9001:2008

Keluaran	01
Pindaan	00
Tarikh Berkuatkuasa	03/01/2010

Enakmen atau Kaedah-kaedah selaras dengan keputusan yang telah dibuat dan dibandingkan dengan keputusan tulisan tangan Hakim supaya tepat dan betul. Bagi perintah atau keputusan bertulis Mahkamah yang tidak memenuhi format yang ditetapkan akan diperbetulkan. Perintah atau Keputusan Bertulis Mahkamah yang tidak memenuhi keperluan yang ditetapkan akan ditandakan statusnya dan diasingkan. Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah Darul Aman akan membuat pembetulan selaras dengan keputusan asal.

Kawalan dan tanggungjawab ke atas perkhidmatan yang tidak memenuhi keperluan yang ditetapkan didokumenkan dalam Prosedur Kualiti Pengurusan Kes Mal dan Jenayah. Rekod-rekod mengenai ketidakpatuhan serta tindakan-tindakan yang diambil disimpan dan disenggarakan.

Dokumen Berkaitan

- | | |
|---------------|---|
| PK-JKSNK - 01 | - Prosedur Pengurusan Pendaftaran Dan Penjadualan Kes Mal. |
| PK JKSNK - 02 | - Prosedur Pengurusan Pendaftaran Dan Penjadualan Kes Jenayah. |
| PK-JKSNK - 05 | - Prosedur Pengurusan Penyediaan Perintah Bertulis Mahkamah Bagi Kes Mal. |
| PK-JKSNK - 07 | - Prosedur Pengurusan Permohonan Rayuan Kes Mal. |
| PK-JKSNK - 08 | - Prosedur Pengurusan Permohonan Rayuan Kes Jenayah |



MK-JKSNK
Manual Kualiti
MS ISO 9001:2008

Keluaran	01
Pindaan	00
Tarikh Berkuatkuasa	03/01/2010

8.4 Analisis Data

Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah Darul Aman mengumpul dan menganalisis data bagi menilai kesesuaian serta keberkesanan Sistem Pengurusan Kualiti untuk menentukan tindakan penambahbaikan yang menyeluruh terhadap Sistem Pengurusan Kualiti boleh dilaksanakan melalui:

- a. Penemuan audit
- b. Cadangan peningkatan Sistem Pengurusan Kualiti dari kakitangan
- c. Laporan prestasi pembekal yang meliputi spesifikasi, ketepatan masa dan tempoh pembayaran
- d. Maklumbalas pelanggan dan aduan pelanggan

Data-data berkenaan dianalisa oleh pihak yang berkenaan melalui pemerhatian, peratusan, jumlah, kekerapan dan perbandingan.

Penganalisan data akan memberi maklumat berkaitan dengan:

- a. Kepuasan pelanggan;
- b. Ketidapatuhan kepada ciri-ciri perkhidmatan yang ditetapkan;
- c. Arah aliran sebagai asas untuk tindakan pencegahan.
- d. Prestasi pembekal.

Dokumen Berkaitan

PKS- JKSNK – 12	-	Prosedur Tindakan Pembetulan
PKS- JKSNK - 13	-	Prosedur Tindakan Pencegahan
PKS- JKSNK – 03	-	Prosedur Pengendalian Aduan dan Maklumbalas Pelanggan
PKS- JKSNK – 11	-	Prosedur Audit Dalaman
PKS- JKSNK - 08	-	Prosedur Perolehan Bekalan dan Perkhidmatan



MK-JKSNK
Manual Kualiti
MS ISO 9001:2008

Keluaran	01
Pindaan	00
Tarikh Berkuatkuasa	03/01/2010

8.5 Penambahbaikan

8.5.1 Penambahbaikan Yang Berterusan

Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah Darul Aman secara berterusan akan menambahbaikkan keberkesanan Sistem Pengurusan Kualiti melalui penggunaan polisi kualiti, objektif-objektif kualiti, keputusan-keputusan audit, analisa data, tindakan pembetulan dan tindakan pencegahan dan kajian semula pengurusan:-

- a. Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah Darul Aman mewujudkan prosedur yang meliputi pengenalpastian ketidakpatuhan dan puncanya:
- b. Tindakan penambahbaikan diambil berdasarkan maklumat yang dikenalpasti melalui Aduan dan maklumbalas Pelanggan, LapOran Audit Dalaman, Isu-isu yang dibangkit dalam Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan.
- c. Tindakan penambahbaikan yang perlu diambil tindakan segera akan diputuskan oleh Wakil Pengurusan.

Dokumen Berkaitan

PKS-JKSNK- 12 - Prosedur Tindakan Pembetulan

PKS-JKSNK- 13 - Prosedur Tindakan Pencegahan



MK-JKSNK
Manual Kualiti
MS ISO 9001:2008

Keluaran	01
Pindaan	00
Tarikh Berkuatkuasa	03/01/2010

8.5.2 Tindakan Pembetulan

Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah Darul Amanakan mengambil tindakan pembetulan untuk menghapuskan punca-punca ketakakuran bagi mencegah dari berlaku. Tindakan pembetulan itu diambil berdasarkan kepada ketakakuran yang telah ditemui.

- a. Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah Darul Aman mewujudkan prosedur yang meliputi pengenalanpastian ketidakpatuhan dan puncanya, penubuhan pasukan kerja, pengumpulan maklumat mengenai ketidakpatuhan dan membuat cadangan tindakan pembetulan;
- b. Tindakan pembetulan diambil berdasarkan maklumat yang dikenalpasti melalui Rekod Ketidakpatuhan, Aduan Pelanggan, Audit Dalaman dan Kajian Semula Pengurusan;
- c. Tindakan pembetulan yang perlu diambil tindakan segera diputuskan oleh Wakil Pengurusan;
- d. Tindakan pembetulan yang melibatkan dasar, sumber kewangan, keperluan tenaga manusia, perubahan kepada prosedur atau Sistem Pengurusan Kualiti sedia ada, diputuskan oleh pihak pengurusan;
- e. Keberkesanan tindakan pembetulan yang dilaksanakan dinilai oleh Wakil Pengurusan dan dilaporkan dalam Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan; dan
- f. Rekod tindakan pembetulan disimpan dan disenggara.



MK-JKSNK
Manual Kualiti
MS ISO 9001:2008

Keluaran	01
Pindaan	00
Tarikh Berkuatkuasa	03/01/2010

Dokumen Berkaitan

PKS-JKSNK - 12 - Prosedur Tindakan Pembetulan

8.5.3 Tindakan Pencegahan

Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah Darul Aman hendaklah menentukan tindakan pencegahan untuk menghapuskan punca-punca kebarangkalian berlakunya ketakakuran yang bertujuan mencegah dari berlakunya ketakakuran. Tindakan pencegahan hendaklah bersesuaian, sehingga ianya memberi kesan kepada kebarangkalian berlakunya masalah tersebut tidak wujud.

- a. Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah Darul Aman mewujudkan prosedur yang meliputi pengenalpastian ketidakpatuhan yang berterusan dan puncanya, penubuhan pasukan kerja, pengumpulan maklumat mengenai ketidakpatuhan berpotensi dan membuat cadangan tindakan pencegahan;
- b. Tindakan pencegahan diambil berdasarkan maklumat yang dikenalpasti melalui rekod ketidakpatuhan, cadangan peningkatan sistem pengurusan kualiti, aduan pelanggan, audit dalaman dan kajian semula pengurusan;
- c. Tindakan pencegahan yang perlu diambil tindakan segera diputuskan oleh Wakil Pengurusan;
- d. Tindakan pencegahan yang melibatkan dasar (dalaman), sumber kewangan, keperluan tenaga manusia, perubahan kepada prosedur atau Sistem Pengurusan Kualiti sedia ada, diputuskan oleh pihak pengurusan;



MK-JKSNK
Manual Kualiti
MS ISO 9001:2008

Keluaran	01
Pindaan	00
Tarikh Berkuatkuasa	03/01/2010

- e. Keberkesanan tindakan pencegahan yang dilaksanakan dinilai oleh Wakil Pengurusan dan dilaporkan dalam Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan; dan

- f. Rekod tindakan pencegahan disimpan dan disenggara.

Dokumen Berkaitan

PKS-JKSNK-13 - Prosedur Tindakan Pencegahan.